

30/07/1997

TUDM disaran amal budaya senggara pesawat

KUANTAN, Selasa - Kementerian Pertahanan mahu Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mengamalkan budaya penyenggaraan untuk memastikan semua pesawatnya berkeadaan baik sepanjang masa.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, berkata walaupun TUDM ada peraturan penyenggaraan pesawat, budaya itu harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

"Pesawat tidak seperti kenderaan lain kerana ia perlu penyeliaan lebih rapi serta kerap seperti disaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)